

NEWS CLIPPING

Event	7-ELEVEN BUKA 200 CAWANGAN BARU
Publication	HARIAN METRO
Page/ Section	
Date	7 MAY 2016
Time	

7-Eleven buka 200 cawangan baru

Petaling Jaya: 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd (7-Eleven) memperuntukkan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM85 juta bagi membuka 200 cawangan baru dan pengubahsuaian 200 cawangan sedia ada menjelang hujung tahun ini sebagai strategi pengukuhan perniagaannya.

Ketika ini, syarikat berkenaan memiliki lebih 1,950 cawangan kedai serbaneka di seluruh negara dan sejak dua tahun lalu telah melaksanakan program menambah baik lebih 400 cawangan kedai serbaneka 7-Eleven di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, syarikat sentiasa optimis dengan pasaran semasa di negara ini yang sentiasa mempunyai permintaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.



BROWN (kiri) pada majlis pelancaran Koleksi Buncit Bear.

Menurutnya, bagi mendapat pulangan yang membe-rangsangkan dari segi perolehan, 7-Eleven akan memberi tumpuan kepada segmen pelanggannya kerana ia adalah sumber utama kepada pendapatan syarikat.

“Apa yang boleh dilakukan adalah mengadakan pelbagai promosi sepanjang tahun ke-

rana ia mampu untuk menarik pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira umur untuk berbelanja.

“Paling penting kepada pelanggan kami adalah tawaran istimewa seperti produk baru supaya mereka dapat membuat lebih banyak pilihan tanpa rasa ragu-ragu,” katanya selepas meras-

mikan majlis pelancaran Koleksi Buncit Bear di sini, semalam.

Koleksi Buncit Bear didatangkan dengan 10 watak berbeza di mana setiap satunya mempunyai identiti negara Eropah dalam Pameran Bola Sepak akan datang.

Majlis berkenaan juga sempena tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan oleh 7-Eleven bersama Hope Worldwide Malaysia menerusi kempen Koleksi Buncit Bear yang akan dijalankan selama lapan minggu bermula 10 Mei hingga 4 Julai ini.

Brown berkata, pada tahun ini juga seiring dengan pengenalan 200 cawangan baru, pihaknya mula merangka beberapa inisiatif fasiliti baru dengan inovasi yang berupaya menjadikan 7-Eleven sebagai destinasi orang ramai dalam berbelanja.

